

# Perasmian Cengal House

Rabu, 26 November 2014 08:41



## - MALAY VERSION ONLY -

DERAF UCAPAN YBRS. DR. JALALUDDIN HARUN  
KETUA PENGARAH MTIB  
SEMPENA PERASMIAN CHENGAL HOUSE

YAB Tan Sri Muhyiddin Hj Mohd. Yassin,  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

YBhg. Dato' Md. Taib bin Abdul Hamid  
Pengerusi  
Paramount Corporation Berhad

YBhg. Prof Dato' Dr Mohd Fauzi Hj Ramlan,  
Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia

YBrs. Mr Jeffrey Chew,  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Paramount Corporation Berhad

Dif-dif Kehormat  
Para media  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Selamat Sejahtera dan salam satu Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan oleh penganjur program iaitu Paramount Corporation Bhd(PCB). Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia(MTIB) dan Universiti Putra Malaysia(UPM) untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena pelancaran Chengal House by Paramount oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Yasin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi sekalian.

Pelancaran Chengal House ini adalah selaras dengan peranan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi(MPIC) dan MTIB bagi meningkatkan penggunaan kayu-kayu Malaysia untuk pembinaan termasuk juga penggunaan kayu terpakai Chengal sepertimana yang digunakan oleh 'Club house' Sejati Residence ini.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Paramount Corporation sebagai Pemaju yang menjadi peneraju dalam menggunakan 'recycled' Chengal memandangkan kos bahan mentah kayu yang meningkat disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh pasaran domestik dan antarabangsa. Saya merasa bangga kerana kayu telah digunakan dalam produk bernilai tambah tinggi berbanding dengan masa lepas yang menganggap kayu sebagai bahan murah untuk rumah-rumah kampung sahaja.

Kepentingan industri kayu tidak dapat dinafikan sebagai salah satu sektor bahan/produk yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Industri kayu menyumbang anggaran 2.7% daripada jumlah nilai eksport sebanyak RM 719.82 ribu juta. Industri kayu juga menyediakan lebih daripada 160,000 peluang pekerjaan dan menyumbang pelaburan domestik sebanyak RM 570.8 juta dan FDI berjumlah RM 46.9 million dengan jumlah pelaburan RM 617.7 juta. Industri kayu juga merupakan penyumbang penting dalam pasaran eksport dengan anggaran eksport tahunan RM 20 ribu juta untuk pasaran eksport dan RM 13 ribu juta untuk pasaran domestik.

Sementara industri kayu menunjukkan pencapaian yang cemerlang di pasaran eksport, pasaran domestik pula menunjukkan penguncupan dalam penggunaan kayu disebabkan pelbagai faktor termasuk saingan dengan bahan alternatif lain termasuk PVC, konkrit dan keluli yang mana pada masa dahulu didominasi oleh kayu. Di samping itu kekurangan maklumat yang tepat kepada 'specifiers' berkenaan pelbagai kelebihan kayu telah menimbulkan persepsi negatif ke atas kayu tempatan. Dalam hubungan ini kayu mestilah ditonjolkan sebagai

bahan yang mesra alam (environmental-friendliness) dan tahan untuk kegunaan struktur 'load bearing' di samping kelebihan lain. Pada pandangan saya pelancaran Cengal House ini bertepatan masanya dan sebagai salah satu forum untuk memberi kefahaman kepada specifiers, pemaju perumahan dan kontraktor serta pengguna akhir termasuk pelajar sekolah mengenai kelebihan kayu khususnya bagi kegunaan pembinaan struktur.

Untuk makluman Dif-dif kehormat sekalian, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 5 juta di bawah RMK 10 bagi menjalankan kajian dalam memperolehi data mengenai kayu keras Malaysia untuk kegunaan sebagai struktur pembinaan khususnya untuk 'load bearing' mengikut kumpulan kekuatan kayu (strength group). Data-data yang diperolehi akan digunakan dalam pembangunan standard diperingkat Nasional dan antarabangsa sepertimana keperluan dalam Eurocode 5 dan pelbagai standards antarabangsa dan Malaysian Standards (MS) yang berkaitan. Ini selaras dengan peranan baru MTIB sebagai Standards Development Agency (SDA) yang dilantik oleh Standards Malaysia bermula 1 September 2013.

Pelbagai usaha dijalankan oleh MTIB dengan sokongan padu Kementerian bagi mempertingkatkan penggunaan kayu di pasaran tempatan secara lebih agresif termasuk dalam penyertaan dalam pameran termasuk Ecobuild, Archidex, program 'roadshows', serta 'tea talks' dengan bekerjasama rapat dengan pelbagai organisasi seperti PAM, JKR, CIDB, REHDA, MBAM, serta pelbagai agensi kerajaan/swasta yang relevan bagi menggalakkan penggunaan kayu yang berkualiti dan menepati spesifikasi. Usaha kerjasama bagi mempromosikan kayu bersama Paramount merupakan satu langkah yang murni dan berharap projek Paramount akan menggunakan bukan sahaja kayu terpakai malahan kayu-kayu lain termasuk kayu perladangan setelah data kajian siap kelak,

Dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan terdapatnya teknologi terkini, industri kayu telah berjaya diperkenalkan dengan pelbagai produk kejuruteraan kayu yang telah terbukti sebagai bahan binaan yang kompetitif di Negara maju seperti glue-laminated timber (glulam), laminated veneer lumber (LVL), cross laminated timber (CLT) dan bahan komposit I-joists untuk menyokong lantai. Glulam merupakan bahan yang amat kukuh dan mempunyai rekaan yang menyenangkan bagi projek berprestij di Negara maju termasuk Eropah, North America, Jepun dan Australia. Glulam merupakan bahan yang utama untuk hampir kesemua bangunan disebabkan fleksibiliti untuk rekaan yang inovatif. Negara Austria telah mengesport produk CLT daripada syarikat KLH pengeluar CLT terbesar di Austria untuk kegunaan bangunan setinggi 10 Tingkat iaitu apartment FORTE CLT di Melbourne, Australia serta bangunan CREE Life Cycle Tower CLT (9 tingkat) di Dornbirn Austria. Perbandingan kos secara terus menunjukkan glulam lebih kompetitif berbanding bahan konvensional.

Dalam hubungan ini MTIB telah mengambil inisiatif dengan pembinaan bangunan lengkap glulam komersil pertama di Malaysia menggunakan kayu Keruing dan Resak yang telah dirasmikan oleh YAB TPM pada 22 Mei 2012. Sebagai impak daripada projek berkenaan pada masa ini saya dimaklumkan projek berjumlah anggaran RM 70 juta berkaitan penggunaan glulam telah diperolehi. Ini termasuk dua projek mega Crops-for-future-research-centre (CFFRC) kepunyaan Kementerian Pertanian berjumlah RM 9.78 juta dan projek Malaysian Pavillion untuk Expo Milano 2015, Italy berjumlah RM 11 juta di bawah MITI/MATRADE. Usaha ini selaras dengan saranan kerajaan melalui polisi bagi menggalakkan penggunaan 70% kandungan IBS dalam projek seliaan kerajaan.

Usaha kerjasama dengan Paramount merupakan satu usaha perintis dengan pemaju perumahan bagi menggalakkan penggunaan kayu dalam pembinaan. MTIB akan terus memainkan peranan bagi memastikan penggunaan produk yang berkualiti selaras dengan peranan MTIB sebagai penguasa pemeringkatan serta peranan baruserta sebagai Agensi Pembangunan Standards (SDA) berkuatkuasa 1 September 2013. Usaha ini akan membuahkan hasil dengan kerjasama strategik antara kerajaan dan pihak swasta dalam menggalakkan kepenggunaan kayu dalam pembinaan termasuk membantu mencapai hasrat National Timber Industry Policy (NATIP) bagi mengeksport RM 53 billion produk perindustrian kayu pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

